



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGAPLIKASIAN IKAT PAKAN DALAM TENUNAN
KONTEMPORARI BAGI PENGHASILAN PRODUK FESYEN**

Siti Zuraidah Binti Zainol

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)
2013**

**PENGAPLIKASIAN IKAT PAKAN DALAM TENUNAN
KONTEMPORARI BAGI PENGHASILAN PRODUK FESYEN**

SITI ZURAIDAH BINTI ZAINOL

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2013

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL : PENGAPLIKASIAN IKAT PAKAN DALAM TENUNAN
KONTEMPORARI BAGI PENGHASILAN PRODUK FESYEN

SESI PENGAJIAN: 2010/2013

SAYA SITI ZURAIDAH BINTI ZAINOL

Mengaku membenarkan tesis/laporan *ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik dibenarkan membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik dibenarkan membuat pendigitan bagi membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. *Sila tandakan.

SULIT

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan

TERHAD

keselamatan dan kepentingan seperti yang termaktub

TIDAK TERHAD

di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)



.....

Tandatangan Penulis,

Tarikh: 28/07/2013

1309 LORONG 45 TAMAN RIA

08000 SUNGAI PETANI, KEDAH.


.....

Tandatangan Penyelia,

Tarikh: 29/07/2013

* jika teses/laporan ini SULIT atau TERHAD ,sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali seabadan tempoh tesis /laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

PENGAKUAN

Pengaplikasian Ikat Pakan Dalam Tenunan Kontemporari Bagi Penghasilan Produk Fesyen

Saya mengaku bahawa tesis dan penyelidikan ini merupakan hasil kerja yang dilakukan sendiri dan apap-apa idea atau petikan daripada kerja-kerja orang lain, diterbitkan atau sebaliknya diakui sepenuhnya selaras dengan amalan merujuk kepada *standard* disiplin. Penyelidikan digunakan sebagai sokongan untuk memenuhi Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian (Teknologi Seni Reka Tekstil dan Fesyen).



(SITI ZURAIDAH BINTI ZAINOL)

No. Matrik : 28359

Tekstil dan Fesyen

PENGESAHAN

Projek bertajuk “**Pengaplikasian Ikat Pakan Dalam Tenunan Kontemporari Bagi Penghasilan Produk Fesyen**” telah disediakan oleh Siti Zuraidah Binti Zainol dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka**)

Diterima Untuk Diperiksa Oleh :



(DR. JUNE NGO SIOK KHENG)

Tarikh: 29 / 07 / 2013

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana saya dapat menyiapkan kajian yang bertajuk pengaplikasian ikat pakan dalam tenunan kontemporari bagi penghasilan produk fesyen dengan jayanya. Ribuan terima kasih juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini

Terima kasih yang tidak terhingga kepada para pensyarah yang banyak memberi saya idea dan dorongan bagi melakukan kajian ini terutama Dr. June Ngo Siok Kheng selaku penyelia saya, Cik Norhayati bt Suleiman dan Prof. Madya Dr hajjah Nazlina bt Shaari. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu memberi idea dan semangat dalam melakukan kajian yang terbaik. Tidak lupa juga kepada juruteknik tekstil dan fesyen. En. Azman yang banyak membantu saya sepanjang saya melakukan kajian ini dengan berkorban masa. Ribuan terima kasih saya ucapkan. Sctinggi penghargaan kepada Institut Kraf Negara dan Muzium Tekstil.

Kepada ibu-bapa dan keluarga yang banyak memberi kata perangsang, dorongan dan bantuan wang ringgit dalam menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya bantuan kalian amat berharga buat saya dalam melakukan kajian ini. Akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kajian ini.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Borang pengesahan	i
Pengakuan	ii
Pengesahan	iii
Penghargaan	vi
Isi kandungan	v
Senarai rajah	viii
Senarai jadual	x
Abstrak	xi
Abstract	xii
BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan masalah	4
1.2 Persoalan kajian	5
1.3 Objektif kajian	5
1.4 Hipotesis	6
1.5 Kepentingan kajian	6
1.6 Skop kajian	7
1.7 Limitasi	8
1.8 Kesimpulan	9
BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.0 Pengenalan	10
2.1 Perancangan kerja	12
2.2 Kajian literatur	14
2.3 Kesimpulan	16

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pengenalan	
3.1	Kajian metodologi	17
3.1.1	Kaedah primer	20
3.1.2	Kaedah sekunder	21
3.2	Data primer	22
3.3	Eksperimen dan persampelan	25
3.4	Kesimpulan	25

BAB 4 HASIL DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	26
4.1	Data primer	26
4.2	Analisa data: Kaji selidik	30
4.3	Bahagian B(i): Pengetahuan am	37
4.4	Bahagian C: Kegunaan dan reka bentuk yang sesuai	46
4.5	Hasil dapatan eksperimen dan persempelan	50
4.6	Kesimpulan	54

BAB 5 EKSPERIMENTASI

5.0	Pengenalan	55
5.1	Proses eksperimentasi	56
5.2	Carta aliran teknik ikat pakan	69
5.3	Bahan dan peralatan	71
5.4	Proses mengikat	72

BAB 6 PRODUK AKHIR

6.0	Pengenalan	77
6.1	Konsep	77
6.2	Contoh lakaran awal	78
6.3	Lakaran akhir	81
6.4	Produk akhir	84

BAB 7	VALIDASI PRODUK	
7.0	Pengenalan	98
7.1	Kelebihan produk	98
7.2	Kelemahan	100
7.3	Batasan kajian	100
7.4	Harta intelek	101
7.5	Kesimpulan	105
BAB 8	KESIMPULAN	106
	BIBLIOGRAFI	107
	LAMPIRAN	109
i)	Costing sheet	
ii)	Kaji selidik	

SENARAI RAJAH

1.1	Kain cindai	3
1.2	Kain sarung Limar, Terengganu, Kraflangan Malaysia	3
1.3	Kerangka kerja	12
2.2	Hasil tenunan ikat, Bali	16
3.1	Kajian metodologi	17
3.2	Cabang kajian metodologi	19
4.1	Kain limar dan cindai, Muzium Tekstil	26
4.2	Hasil tenunan ikat pakan dan ikat loseng	27
4.3	Peratusan mengikut umur	30
4.4	Peratusan mengikut bangsa	32
4.5	Jumlah responden mengikut status perkahwinan	33
4.6	Peratusan sector pekerjaan	34
4.7	Jumlah anggaran gaji responden	35
4.8	Jumlah reponden mengikut kawasan tempat tinggal	36
4.9	Peratusan minat responden terhadap minat kraf tekstil	37
4.10	Jumlah responden yang mengetahui kewujudan tekstil limar atau Ikat pakan	38
4.11	Peratusan minat responden terhadap tekstil Limar	39
4.12	Peratusan responden dalam membezakan produk tekstil Limar dan songket	40
4.13	Jumlah responden yang bersetuju mengubah warna agar dikenali oleh generasi kini	41
4.14	Peratusan pembelajaan responden	43
4.15	Peratusan kekerapan pembelian	44
4.16	Peratusan responden yang pernah membeli tekstil limar dalam seumur hidup	45
4.17	Tema mengikut kesesuaian responden	46
4.18	Faktor menarik minat pembeli	47
4.19	Pengaplikasian warna yang sesuai	48
4.20	Purata mengikut fungsi	49
4.21	Peratusan material berpotensi	50
4.22	Eksperimen menggunakan teknik <i>Lace</i> dan <i>Reversed Twill</i>	51

4.23	Eksperimen menggunakan teknik <i>Plain Weave</i>	52
5.1	Kain Limar sutera, Pahang. Azah Aziz	55
5.2	Carta aliran eksperimen kajian	56
5.3	Lakaran awal- motif	57
5.4	Perkembangan Idea awal produk	58
5.6	Carta aliran menghasilkan fabrik ikat pakan	69
5.7	Proses mengambil ukuran pada loseng	72
5.8	Pembahagian lot	73
5.9	Pergerakkan antara lot/ proses menganing pakan	73
5.10	Mengasingkan lot	74
5.11	Mengikat motif	74
5.12	Mencelup	75
5.13	Proses membuka semula ikatan benang	75
6.1	Papan konsep	78
6.2	Contoh lakaran tema <i>Art Deco Architecture</i>	78
6.3	Contoh lakaran produk	79
6.4	Contoh lakaran awal	80
6.5	Lakaran idea akhir: Motif	81
6.6	Lakaran idea akhir: Produk	82
6.7	Lakaran idea akhir: Teknik	83
6.8	Produk Akhir (i) dan (ii)	84
6.9	Ilustrasi produk tastangan kedua	86
6.10	Diagram <i>plain weave</i>	87
6.11	Produk iii	88
6.12	Produk iv	89
6.13	Produk v	91
6.14	Produk rantai : <i>choker, pendant</i>	93
6.15	Ilustrasi pendant	94
6.16	Produk vi	95
6.17	Produk vii	96
6.18	Ilustrasi rantai	97

SENARAI JADUAL

3.1	Jawapan kaedah <i>Likert Scale</i>	23
5.1	Eksperimen ikat pakan	59
5.2	Eksperimen ikat cuai pelbagai teknik tenunan	61
5.3	Eksperimen pelbagai material	64
5.4	Eksperimen warna <i>reactive dye</i> kapas dan sutera	66
5.5	Eksperimen warna <i>reactive dye</i>	67
6.1	Spesifikasi Produk 4	89
6.2	Spesifikasi Produk 5	91
6.3	Bacaan <i>Tie-up</i>	96

PENGAPLIKASIKAN IKAT PAKAN DALAM TENUNAN KONTEMPORARI BAGI PENGHASILAN PRODUK FESYEN

ABSTRAK

Ikat pakan adalah proses mengikat benang melintang atau benang mendatang (*weft*) untuk menghasilkan motif pada permukaan tekstil. Penyelidikan ini memfokuskan kepada pengaplikasian ikat pakan dalam tenunan kontemporari untuk penghasilan produk fesyen. Penggabungan struktur *straight twill* dan *dice weaves* serta penambahbaikan dari segi penggunaan material yang pelbagai seperti benang metalik, benang elastik dan sutera undegummed untuk menghasilkan tekstura yang berdimensi. *Art Deco Architecture* merupakan tema untuk menghasilkan rekacorak dan rekabentuk untuk produk akhir bagi kajian ini. Penyelidikan ini diharap dapat memberi nafas baru dengan mempelbagaikan fungsi untuk menghasilkan produk fesyen kontemporari yang kelihatan lebih versatil. Kajian ini dilihat berpotensi dalam mempertingkatkan dan mengkomersialkan pembuatan ikat pakan.

APPLICATION OF WEFT IKAT TECHNIQUE IN COMTEMPORARY WEAVING TO PRODUCE FASHION PRODUCT

ABSTRACT

Weft ikat is a transverse or weft threads binding process to produce motifs on the textile surface. This research focuses on the application of contemporary woven weft ikat for fashion product. By fusing the dice and straight twill weave structures with various types of threads such as metallic, elastic and undegummed silk threads, a range of fabric with dimensions and textures can be created. Art Deco Architecture theme is the inspiration to design the collection of hand-woven ikat fabrics. This study aims to give a new lease by diversifying its function to produce various products for contemporary fashion. This study on weft ikat has the potential to be commercialised.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 PENGENALAN

Tenunan adalah proses untuk menghasilkan fabrik daripada sehelai benang kepada selembar kain, ianya dipanggil proses menenun. Kini terdapat pelbagai jenis tenunan telah dipebaharui dengan menggunakan alatan moden seperti kek tenunan Melayu yang digunakan sedia ada.

Menurut buku *Seni kraf Tenunan Motif Dan Teknik (2009)* oleh Kraftangan Malaysia telah mendefinisikan teknik ikat¹ limar pakan dikenali kain limau. Proses limar ikat pakan adalah mengikat benang pakan atau benang yang mendatang (*weft*), motif ditentukan oleh lot-lot benang yang dianing. Seterusnya dipindahkan ke peleting untuk dijadikan pakan. Proses pembuatan menggunakan teknik ikat dan celup. Kini ramai generasi muda tidak mengetahui limar teknik ikat pakan ini semakin kurang mendapat perhatian memandangkan proses pembuatan amat rumit.

Justeru itu, pengkaji membuat kajian mengenai potensi warna dan teknik ikat pakan yang bersesuaian untuk digunakan pada generasi muda pada zaman kini. Dari segi pemerhatian, pengkaji mendapati elemen warna dan teknik ikat itu sendiri berpotensi untuk diadaptasikan dalam tenunan kontemporari bagi menghasilkan tekstil yang bertekstura. Dengan adanya kajian ini, pengkaji mendapat mengklasifikasikan warna dan

¹ikat – benang yang diikat dan dicelup dengan warna apabila dibuka ikatan akan terhasil motif yang dikehendaki

motif yang sesuai supaya generasi muda lebih meminati pada limar ikat pakan ini dalam menggunakan peralatan tenunan komtemporari. Pemerhatian pengkaji mendapati, benang pakan adalah benang yang dimasukkan melintang pada benang loseng ketika proses menenun tekstil.

Benang pakan² biasanya digulung lalu, digerakkan di antara bukaan atas dan bawah benang loseng atau lungsin. Bukaan bagi loseng pada bahagian atas dan bawah menggunakan kayu pijak supaya karat atau *heddle* dapat dinaik dan turunkan. Biasanya benang pakan dibuat dari serat yang dipintal supaya lebih kukuh. Proses pembuatan ikat pakan, dan ikat loseng mempunyai persamaan dari segi cara ikatan. Benang yang diikat menggunakan bahan kedap penyerapan seperti tali raffia bertujuan untuk menghalang bahan pewarnaan dapat meresapi benang yang diikat pada bahagian motif yang dikehendaki.

Buku '*Colour Your Home*' oleh Walton (2002) menyatakan "*choosing colour the right colour combination for your home will undoubtedly help us to create rooms that make us feel good. Colour has a strong role to play in our lives and can affect us both physically and psychologically and colour therapists believe in the healing power of colour light. Colour is used for physical and spiritual healing....*". Pernyataan berikut dapat dikaitkan dengan fokus kajian warna akan mempengaruhi emosi dan kelakuan seseorang kerana pemilihan yang sesuai akan memberi keselesaan dalam kehidupan.

Pengkaji memilih untuk mengkaji teknik ikat pakan dengan memberi fokus kepada generasi muda supaya lebih ramai generasi muda meminati hasil kraftangan terutamanya

² Benang Pakan

–Benang yang melintang untuk mengabungkan pakan dan loseng

seni tekstil Melayu. Teknik ikat pakan ini diadaptasikan melalui konteks penerimaan moden golongan muda sekarang melalui warna, teknik dan fungsi.

Kenyataan ini dapat disokong oleh kata-kata daripada Araiayah binti Abd Rahman, pengajar di Institut Kraf Negara menyatakan “.... jika tidak diketengahkan seni warisan ini maka kain Limar akan pupus memandangkan generasi muda kini kurang berminat dengan warisan yang digelar *Queen of textiles*” (2008).



Rajah 1.1: Hasil tenunan daripada dua jenis ikat iaitu ikat loseng dan ikat pakan untuk menghasilkan kain “Cindai”
Motif: Corak berantai



Rajah 1.2: Kain Sarung Limar dengan kepala bercorak pucuk rebung dan badan kain jalur, Terengganu sekitar 1900.

Gambar Kraftangan Malaysia (Kajian lapangan)

1.1 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemerhatian dan kajian awal, pengkaji mendapati sambutan terhadap tenunan Melayu kurang digemari oleh masyarakat terutamanya golongan muda. Tumpuan diberikan kepada golongan muda yang mempunyai minat terhadap fabrik tenunan tetapi tidak mempunyai pilihan kerana tidak memenuhi citarasa mereka. Atas kehendak untuk mengikuti trend semasa, golongan muda memerlukan satu pendekatan baru memenuhi citarasa golongan muda.

Antara permasalahan yang dihadapi :

- Teknik ikat kurang diminati oleh golongan muda.
- Pemilihan warna *golden brown*, *maroon tamarid*, dan *maroon* yang digunakan tidak menunjukkan kepada citarasa atau *trend* golongan muda.
- Penggunaan material sedia ada tidak mempunyai tekstura apabila disentuh
 - Penggunaan benang metalik secara pertindihan keatas motif ikat atau pengubahsuaian dalam benang loseng.
- Kurangnya penyelidikan ikat pakan untuk menghasilkan tekstil yang berinovasi.

Justeru itu, pengkaji berhasrat untuk menghasilkan suatu rekaan tekstil yang mempunyai tekstura yang sesuai digayakan untuk golongan muda.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan yang dapat dikesan oleh pengkaji akan membantu dalam menghasilkan tekstil yang mempunyai tekstura. Persoalan ini memberikan skop tumpuan yang ingin dikaji oleh pengkaji. Pelbagai persoalan yang timbul sebelum menjalankan kajian ini seperti :

- Apakah teknik ikat yang dipelbagaikan dengan teknik tenunan bagi menghasilkan tekstil yang diminati oleh golongan muda?
- Apakah warna yang sesuai untuk generasi muda bagi menghasilkan produk pengaplikasian teknik ikat pakan dalam tenunan kontemporari?
- Apakah material alternatif yang sesuai dapat menghasilkan tekstura pada permukaan tekstil tenunan?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi memastikan objektif kajian mencapai matlamat dan tujuan sebenar kajian, pengkaji akan menyelesaikan permasalahan diatas. Objektif kajian adalah seperti :

- Mengenalpasti pelbagai jenis benang, warna, dan gentian untuk menghasilkan tekstura pada permukaan fabrik yang sesuai untuk golongan muda.
- Eksperimentasi warna keatas teknik ikat pakan menggunakan warna reaktif (reactive dye).
- Menghasilkan rekaan inovatif yang mengaplikasikan teknik ikat pakan dalam tenunan kontemporari.
- Memvalidasi teknik ikat pakan dalam tenunan kontemporari.

1.4 HIPOTESIS

Menerusi kajian ini, pengkaji mengaplikasikan limar ikat pakan dalam tenunan kontemporari. Fokus diberikan kepada pemilihan warna, jenis, benang dan teknik. Manakala dari segi material pengkaji menggunakan bahan yang akan menyerupai kain limar yang terdahulu tetapi diberi penambahan material alternatif contohnya benang emas dan elastik untuk mendapatkan tekstil tenunan yang mempunyai tekstura dan dapat diterima oleh golongan muda.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk mencari alternatif baru untuk menghasilkan produk tenunan yang kontemporari. Kajian ini dibuat untuk menghasilkan produk limar ikat pakan yang mempunyai warna-warna menarik dan boleh diterima oleh generasi muda sebagai salah satu fesyen daripada tekstil warisan. Kajian pengaplikasian limar ikat pakan ini akan memberi inovatif yang berguna kepada masyarakat terutama kepada generasi muda. Produk yang diperbaharui ini juga memenuhi spesifikasi dari segi warna dan jenis yang lebih menarik. Sasaran umur pengguna untuk produk yang dikaji ialah golongan pengguna yang berumur 25-40 tahun. Seterusnya menghasilkan satu koleksi tenunan yang unik dan kontemporari seiring dengan kehendak generasi muda.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian yang dibuat oleh pengkaji tertumpu di negeri Sarawak, Kuala Lumpur dan Terengganu. Pengkaji telah menjalankan kajian di Muzium Tekstil di Bandar Kuching dan Kuala Lumpur. Selain itu pengkajian juga telah membuat penyelidikan dan pemerhatian di Perbadanan Kraftangan Kuala Lumpur. Disini pengkaji mendapati seperti kebiasaannya warna bagi limar adalah warna *golden brown*, *maroon tamarid red* dan *maroon*.

Pengkaji juga telah membuat pemerhatian terhadap kain limar ikat pakan yang telah ditenun pada zaman dahulu dan meneliti jenis material serta teknik yang digunakan juga terhad dengan menggunakan material benang sahaja.

Seterusnya pengkaji juga, mengajukan beberapa pertanyaan kepada pengusaha kain limar tentang minat generasi muda terhadap kain warisan (kain limar) ini. Selain skop yang tertumpu kepada tempat, pengkaji menggunakan skop material alternatif untuk mewujudkan tekstil yang berdimensi. Material tersebut seperti metalik, benang emas dan perak. Penyelidikan yang dibuat juga akan menumpukan kajian terhadap keupayaan material untuk menghasilkan tekstura pada permukaan fabrik atau keupayaan dalam menghasilkan kedutan daripada penggunaan material tertentu.

Penggunaan skop bagi peringkat umur, pengkaji lebih menumpukan kepada generasi muda dalam lingkungan 25 hingga 45 tahun kerana dalam lingkungan umur ini kebiasaannya telah mempunyai pendapatan tetap dan berpotensi untuk memiliki tekstil jenis ikat pakan ini.

Skop warna diberi penekanan kerana penyelidikan ini lebih tertumpu kepada generasi muda yang lebih menggemari warna yang lebih segar dan panas. Pemilihan warna yang baik akan membantu pemakai dari segi emosi.

1.7 LIMITASI KAJIAN

Proses pengumpulan maklumat dan soal selidik mempunyai masalah dari segi pemahaman tenunan kerana di Sarawak tenunan limar kurang dikenali kerana ianya lebih popular dengan tenunan pua dan songket Sarawak.

Selain itu pengkaji, menghadapi kesukaran dalam mendapatkan bahan mentah yang berkualiti bagi menghasilkan tenunan yang baik. Material yang baik akan mempengaruhi hasil tenunan yang berkualiti. Justeru itu, penyelidikan ini menggunakan benang sutera *undegummed* yang terhad pada bahagian pakan dan lusin @ loseng. Material sutera *undegummed* mempunyai serapan warna yang tinggi menyebabkan warna menyerap kedalam bahagian ikat dengan cepat.

Terdapat juga limitasi dari penggunaan teknik ikat yang terhad kerana reka corak ikat yang terlalu padat akan menyukarkan perletakkan benang pakan pada kedudukan ikat pakan yang telah ditenun. Penggunaan benang ikat yang tidak selari semasa menenun akan menyebabkan motif yang diikat tidak dengan jelas.

1.8 KESIMPULAN

Penghasilan tekstil ikat pakan mempunyai daya tarikan yang tersendiri untuk diketengahkan. Walaupun cara pembuatannya yang sukar, tekstil ini mempunyai kekuatan yang tersendiri seperti keunikan teknik ikat yang digunakan bagi menghasilkan tekstil. Penambahbaikan yang dibuat dari segi penggunaan bahan dan warna akan menarik minat golongan muda dalam memperagakan tekstil ikat ini. Kepelbagaian rekaan yang dihasilkan daripada tekstil ikat ini akan menambah nilai fungsi yang bukan sahaja digunakan sebagai kain sarung sahaja.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 PENGENALAN SEJARAH LIMAR

Sejarah Limar ini bermula pada era Cik Siti Wan Kembang pada abad Ke-19. Kain Limar mempunyai persamaan dengan kain cindai kerana merujuk kepada keistimewaan dan kehalusan teknik yang digunakan. Perbezaan adalah kain cindai mempunyai gabungan ikat dikenali ikat ganda. Biasanya kain limar ini dikaitkan dengan penggunaan teknik ikat pakan(ikat tunggal) dan mempunyai jalur seperti benang pakan yang diwarnakan dengan warna yang berlainan.

Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik, sebelum Hang Jebat turut ‘mengamuk’ dikatakan Hang Jebat telah membalut luka dengan menggunakan kain limar atau cindai. Pada zaman dahulu penggunaan kain limar ini banyak dipakai sebagai alas pinggang, bengkung, dan selendang (*Seni Kraf Temuan Motif dan Teknik, 2009*).

Wilayah budaya tekstil yang disebut alam Melayu nusantara ini dibuat berdasarkan jenis tekstil yang dihasilkan. Terdapat dua ciri asas tekstil iaitu pertama, hasil tenunan daripada bahan kapas dengan menggunakan teknik tenun secara langsung atau teknik secara sulam. Ianya dapat dilihat pada zaman Dongson dan popular dengan istilah ‘ikat’. Contoh tekstil yang dihasilkan ialah Pua Kumbu, kain Joraja di Sulawesi manakala teknik secara sulam ialah Olos Tabau Bajau dan Gonop Dusun di Sabah. Kedua, ciri ialah hasil penggunaan bahan sutera, benang emas atau perada dengan menggunakan teknik ikat ganda, tenun secara bersulam atau songket. Ia dikembangkan dengan kedatangan unsur